

10/11/1999

Malaysia syurga golf dunia - Mahathir

Jamhariah Jaafar

DATUK Seri Dr Mahathir yakin Kejohanan Golf Piala Dunia yang akan bermula minggu depan akan menjulang nama Malaysia di mata dunia, menyusuli kejayaan Formula Satu (F1).

Perdana Menteri berkata, peminat golf dunia terutama dari Eropah dan Jepun sudah pasti tidak akan teragak-agak untuk memilih Malaysia sebagai destinasi permainan mereka, terutama selepas melihat keindahan padang golf menghijau pada kejohanan paling berprestij itu.

"Saya yakin golf akan menjadikan Malaysia sebagai syurga pemain golf dunia terutama dari Eropah dan Jepun. Peminat golf Jepun misalnya, sudah tentu lebih berminat untuk memilih Malaysia kerana pusat golf mereka sering berada di kawasan yang jauh.

"Di sini, mereka hanya perlu menaiki kapal terbang dan dengan jarak penerbangan yang sama untuk ke tempat permainan di negara sendiri, mereka akan menikmati permainan yang lebih baik serta pada kadar yang lebih rendah di sini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat padang golf The Mines Resort City yang akan menjadi gelanggang Kejohanan Piala Dunia yang akan bermula pada 18 November ini.

Perdana Menteri juga sempat berkenalan dengan beberapa pemain Malaysia termasuk jaguh negara, M Ramayah, serta mencuba padang golf dalam keadaan hujan renyai-renyai.

Kejohanan yang akan disertai oleh pemain nombor satu dunia, Tiger Woods akan membariskan 64 pemain antarabangsa dari 32 negara.

Ketika mengulas mengenai kejohanan paling berprestij dunia itu, Dr Mahathir berkata lebih 600 juta penonton akan melihat melalui televisyen dan ia sudah tentu akan memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai padang golf yang sesuai untuk Piala Dunia.

"Dan hasilnya kita mungkin melihat Malaysia akan menerima lebih banyak pelancong," katanya.

Ditanya kritikan keras pada satu masa dahulu mengenai pembinaan begitu banyak padang golf, Dr Mahathir berkata memang sudah menjadi tabiat manusia yang suka mengkritik sesuatu yang baru.

"Memang kadang-kadang sesuatu perkara itu memerlukan masa untuk diterima. Manusia sering tidak sabar terutama apabila melihat alam sekitar yang buruk seperti ketika sesebuah padang golf sedang dibina.

"Tetapi selepas ia siap, pokok-pokok mula terbentuk cantik dan padang mula menghijau indah baru mereka menerima kehadiran padang berkenaan," katanya.

(END)